



pelajar dan kakitangan menghormati nyanyian *Negaraku* pada Program Merentas Desa di UMP, Kuantan, baru-baru ini.

Program Merentas Kampus mampu bina pemikiran kreatif penuntut IPT

KUANTAN 5 April - Program Merentas Kampus Universiti Malaysia Pahang (UMP) mampu membina budaya pemikiran kreatif di kalangan penuntut institut pengajian tinggi (IPT) dalam memahami erti konsep 1Malaysia.

Naib Canselor UMP, Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, program kali ketiga selepas diadakan di Universiti Malaysia Perlis (Unimap) dan Politeknik Port Dickson itu mampu memberi peluang dan ruang kepada pelajar IPT memberi pandangan berkaitan gagasan 1Malaysia.

"Forum hari ini mungkin boleh menjadi cetusan anjakan paradigma kepada semua pihak untuk menghijrahkan minda pelajar ke arah yang lebih inovatif dan kreatif.

"Ia adalah salah satu langkah yang diambil pihak pengurusan universiti untuk membina budaya pemikiran kreatif di kalangan pelajar," katanya ketika berucap pada program tersebut di UMP, Gambang dekat sini baru-baru ini.

Antara aturcara program tersebut ialah Forum Jati Diri 1Malaysia bertajuk 'Mahasiswa Kreatif' yang disampaikan dua ahli panel iaitu pensyarah Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) Dr. Bazrul Bahaman dan Datuk Dr. Mansor Abdullah daripada Gabungan Penulis Nasional (Gapena).

'UMP 1Malaysia' Khatu, 6/4/11 mrs. 26



SITI NORLIS ZULKIPLI



T. NALLYSWARI

Menurut Daing Nasir, pembentukan minda pelajar masa kini akan membentuk masa depan mereka.

Jelasnya, penuntut IPT perlu mendalami pelbagai ilmu bermanfaat kerana mereka merupakan pelapis kelestarian masa depan.

Sementara itu, mahasiswa semester dua Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Eletronik UMP, Siti Norlis Zulkipli, 22, berkata, konsep 1Malaysia boleh difahami jika rakyat memahami Perlembagaan terlebih dahulu.

Bagi mahasiswa semester kedua Fakulti Sains, Teknologi dan Industri UMP, T. Nallyswari, 21, daripada program tersebut, konsep 1Malaysia bukan sekadar menghormati agama dan bangsa malah kebudayaan setiap kaum.